

EKUINAS

YAKIN CAPAI PELABURAN RM500 JUTA

» *Pertumbuhan ekonomi rangsang kemajuan jumlah urus niaga*

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS) berada pada landasan kukuh untuk mencapai sasaran pelaburan antara RM500 juta hingga RM600 juta pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh pada separuh pertama tahun 2014 menyokong kepada kemajuan dari segi jumlah urus

niaga yang dicatatkannya tahun ini berbanding tahun lalu.

Katanya, peningkatan kesedaran terhadap ekuiti swasta sebagai opsyen untuk meraih modal bagi mengembangkan perniagaan dalam kalangan syarikat di negara ini turut menyumbang terhadap pencapaian sasaran pelaburan tahunan itu.

Beliau berkata, bagi tahun ini, EKUINAS sudah melabur kira-kira RM400 juta dengan mengambilalih Orkim Sdn Bhd dan CoolBlog Sdn Bhd, baru-baru ini.


Urus niaga lebih baik

“Urus niaga dalam rancangan bagi tahun ini adalah lebih baik berbanding tahun lalu. Justeru, kami berharap sasaran pelaburan antara RM500 juta dan RM600 juta bagi tahun ini akan dapat dicapai,” katanya ketika ditemui pada Forum Ekuiti Swasta Malaysia 2014 di Kuala Lumpur, semalam.

● **Bisnes B2**

“
Urus niaga dalam rancangan bagi tahun ini **adalah lebih baik berbanding tahun lalu**”

Abdul Rahman Ahmad,
Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas



Peluang raih pulangan jangka panjang

● Dari muka B1

Mengenai rancangan pengambilalihan selanjutnya, Rahman berkata, jika ada tawaran pengambilalihan menarik yang memenuhi kriteria dan peraturan EKUINAS di samping menawarkan potensi pulangan lumayan dan pertumbuhan kukuh, pihaknya tidak teragak-agak untuk menerima tawaran itu.

Katanya, tumpuan pelaburan adalah dalam syarikat tempatan yang kukuh,

berdaya maju dan berpotensi berkembang.

Kembang syarikat

Beliau berkata, tempoh pelaburan sesuai bagi EKUINAS dalam mewujudkan nilai dan meraih pulangan jangka panjang yang baik dalam sesebuah syarikat ialah tiga hingga lima tahun.

“Tempoh ini (tiga hingga lima tahun) adalah mencukupi untuk kami mewujudkan nilai dan mengembangkan syarikat yang dibeli ke peringkat lebih tinggi,” katanya.